



Australian Government

Department of Infrastructure, Transport,
Regional Development and Communications

Perkhidmatan perpustakaan

Disampaikan oleh Perpustakaan Negeri Western Australia di Wilayah Lautan Hindi

1/04/2022

Perkhidmatan

Lembaga Perpustakaan Western Australia, bagi pihak dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, menyediakan perkhidmatan yang berikut:

- mengutip, menyusun dan memelihara warisan berdokumen Wilayah Lautan Hindi sebagaimana yang diwajibkan oleh undang-undang Wilayah Lautan Hindi
- memelihara dan menyediakan kemudahan mendapatkan koleksi ini sebagai salah satu warisan Wilayah Lautan Hindi
- memainkan peranan penting dalam usaha kecelikan huruf dan pembelajaran pada setiap peringkat hidup
- memimpin perkhidmatan perpustakaan di Western Australia.

Apakah ertinya bagi saya?

Melalui perkhidmatan perpustakaan ini, penduduk Wilayah Lautan Hindi dapat menggunakan:

- bahan baharu yang dihantarkan ke perpustakaan dengan dari semasa ke semasa
- pelbagai eSumber yang boleh digunakan di rumah, antara lainnya eBuku, eAudio, eMajalah dan penstriman video
- Pek bacaan Better Beginnings untuk setiap bayi yang dilahirkan, dan untuk semua kanak-kanak yang berusia antara dua hingga empat tahun
- kemudahan menyertai seluruh program Better Beginnings.

Perpustakaan ini menyokong kecelikan huruf kanak-kanak dengan cara memberi mereka potensi yang lebih besar untuk berkembang, belajar dan bertambah baik, mencapai prestasi yang baik di sekolah dan berjaya dalam hidup mereka kelak.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya

Saluran	Butir-butir perhubungan
Telefon	08 9427 3111 atau 1800 198 107
E-mel	info@slwa.wa.gov.au
Laman web	www.slwa.wa.gov.au